

# Keadaan ibarat retak menunggu nak runtuh

Oleh TURMADZI MADUN,  
SHAHREN YUSRI, JUNHAIRI  
ALYASA dan NUR AISHAH M. AMIN  
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Semakin kritikal. Keadaan 160 buah rumah di empat blok kawasan perumahan Seksyen 10 Wangsa Maju yang runtuh kelmarin ibarat retak menanti runtuh.

Sekurang-kurangnya tiga pergerakan tanah dikesan berlaku awal pagi semalam sehingga menyebabkan rekahan di Blok 4 yang memuatkan 40 buah rumah semakin membesar.


KOSMO! difahamkan, pergerakan pertama berlaku pukul 12.15 malam di Blok 4, disusuli seminit kemudian oleh pergerakan kedua. Pergerakan ketiga pula dikesan berlaku kira-kira pukul 5.40 pagi di Blok 6.

Keadaan itu menyebabkan pihak berkuasa mengerahkan para anggotanya untuk membantu penduduk mengosongkan rumah masing-masing kerana keadaan yang semakin bahaya dikesan di tiga blok yang terletak di tepi tebing iaitu Blok 4 dan 5.

KOSMO! semalam melaporkan mengenai kejadian itu yang berlaku di Blok, 3, 4, 5 dan 6 kawasan perumahan itu kira-kira pukul 6.45 petang.

Kejadian itu menyebabkan kawasan pembuangan sampah flat berkenaan tertimbus manakala 12 buah motosikal dan lima buah kereta di blok-blok terbabit juga 'tenggelam.'

Tinjauan KOSMO! semalam mendapati rata-rata penduduk sedang sibuk mengosongkan rumah ekoran arahan itu, tetapi mereka hanya membawa dokumen penting serta beberapa perkakas ringan, manakala yang berat terpaksa ditinggalkan.



SEORANG anggota Rela menunjukkan kesan-kesan tanah runtuh di kawasan perumahan Seksyen 10 Wangsa Maju semalam.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Zulhasnan Rafique memberitahu, susulan kejadian itu, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan beberapa agensi lain seperti Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram), pihak Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) dan pemaju.

"Melalui perbincangan tersebut, Ikram dan DUKE telah bersetakat untuk memasang cerucuk besi di sepanjang tebing bagi mengelakkan pergerakan tanah berulang," katanya di sini semalam.

Katanya, sehubungan itu pihaknya telah menyediakan sebanyak 160 rumah di pangsapuri Seri Semarak di Jalan Redang bagi penempatan sementara mangsa.

Ekoran itu, penduduk dijangka menyambut Hari Raya Aidilfitri di sana dan menetap di situ sehingga keadaan di rumah mereka benar-benar selamat untuk diduduki semula.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ruslin Hassan berkata, pihaknya telah meletakkan kanvas plastik di permukaan tanah bagi mengelakkan tanah daripada terus runtuh.

"Kita juga akan memikirkan un-

tuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pemaju selepas segala siasatan selesai dijalankan," katanya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pula berkata, pihaknya akan mengagihkan sebanyak RM300 bagi setiap keluarga.

"Setakat ini, mangsa yang telah mendaftar dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat seramai 571 mangsa yang terdiri daripada 138 keluarga. Daripada jumlah itu seramai 467 merupakan dewasa dan selebihnya kanak-kanak," katanya.